

**TEKS UCAPAN**

**BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH SERI GEMILANG UniMAP  
PADA 20 MAC 2013, DI KAMPUS INDUK UNIVERSITI MALAYSIA  
PERLIS PAUH PUTRA PERLIS**

*Bismillaahir rahmaanir rahiim. Alhamdulillaahi rabbil'aalamiin.  
Wassolaatu wassalaamu 'alaa saiyyidinaa Muhamadin asyrafil  
anbiya'i walmursaliin. Wa'alaa aalihii wasohbihii ajmaiin.*

**SALUTASI DIRAJA**

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Seluruh warga UniMAP merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku amat besar ertinya buat patik sekalian.

Ketokohan dan kepimpinan Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor Universiti ini menjadi sumber inspirasi kepada seluruh warga kerja untuk terus mara ke hadapan bagi menjana kecemerlangan. Keprihatinan Duli Tuanku terhadap perkembangan, kemajuan dan pembangunan warga UniMAP membolehkan patik merancang dan membangunkan Universiti ini sejajar dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan.

Ampun Tuanku,

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

## **SALUTASI**

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Berbahagia Datin Seri

Yang Berhormat, Datuk Azizan Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berbahagia Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berbahagia Dato' Haji Omar Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi

Yang DiHormati S.A.C Zull Aznam Haron, Ketua Polis Perlis

Yang Berbahagia Dato' Yusof Jusoh, Pengerusi Eksekutif Proven Holdings Bhd.

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Barisan Dif-Dif Kehormat, Dekan Dan Ketua Jabatan UniMAP

Wakil-Wakil Media, seterusnya warga UniMAP yang diraikan sekalian.

Selamat petang, Good Evening, Wan Shang Hao (Selamat Malam), Malai Vanakkam (Selamat Malam), Sawaddi (Bahasa Thai), Masa' Al-Kha'ir (Bahasa Arab), Magandang Gabi (Tagalog)

## KATA-KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama dalam Majlis Anugerah Seri Gemilang khusus untuk mengiktiraf kegemilangan staf bagi tahun 2012.
2. Marilah kita berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita daripada apa jua kesulitan dan kekurangan. Saya ingin merakamkan jutaan tahniah dan penghargaan buat barisan jawatankuasa pelaksana yang bersengkang mata memastikan kelancaran majlis malam ini. Ucapan terima kasih turut dititipkan buat semua dif kehormat dari pelbagai jabatan dan institusi di Negeri Perlis kerana sudi meluangkan masa menghadiri dan memeriahkan lagi majlis ini.
3. Sebelum saya meneruskan ucapan, ingin saya menarik perhatian semua hadirin mengenai krisis yang melanda negara kita baru-baru ini iaitu 'Krisis Lahad Datu'. Walaupun krisis ini telah ditangani dengan amat baik oleh kerajaan Malaysia, namun ianya meninggalkan kesan yang mendalam dalam hati kita.

4. Dalam misi mempertahankan Sabah dari pencerobohan tentera kerajaan Sulu, banyak nyawa telah terkorban dan banyak hati yang telah terluka. Akibat pertempuran itu, isteri menjadi balu, anak-anak menjadi anak yatim dan kita warga Malaysia kehilangan pejuang bangsa. Sehingga kini, kita telah kehilangan 10 perwira negara.
5. Marilah kita mengucapkan ‘Takziah’ buat ahli keluarga mangsa dan menyedekahkan Al - Fatihah buat perwira kita yang kembali kerahmatullah. (*Bertafakur membaca Al - Fatihah*). Semoga roh mereka ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman dalam jannah Allah swt.
6. Atas rasa keprihatinan tersebut, baru-baru ini UniMAP telah melancarkan Tabung Wira Lahad Datu Universiti Malaysia Perlis yang berfungsi untuk mengutip sumbangan daripada warga UniMAP dan disalurkan ke Tabung Wira Lahad Datu. Pada malam yang penuh keberkatan ini, tabung tersebut akan diserahkan kepada wakil Media Prima untuk disampaikan kepada TWLD Media Prima. Semoga sumbangan tidak seberapa ini akan sedikit sebanyak membantu ahli keluarga perwira kita dan mendapat keberkatan daripada Illahi. InsyaAllah.

## **ANUGERAH SERI GEMILANG (ASG)**

Hadirin-dan hadirat sekalian,

7. Anugerah Seri Gemilang diadakan saban tahun bagi menzahirkan penghargaan atas pengorbanan, sumbangan, serta komitmen jitu warga UniMAP yang ditunjukkan sepanjang tahun 2012.
8. Anugerah ini bukan sahaja dilaksanakan di UniMAP malah menjadi tradisi agensi perkhidmatan awam yang lain. Ia merupakan satu usaha yang baik dan seharusnya menjadi acara rasmi setiap tahun. Selain menzahirkan penghargaan kepada mereka yang terpilih malam ini, pemberian anugerah-anugerah ini juga bertujuan mendorong penjawat awam lain meningkatkan prestasi masing-masing.
9. Setiap penerima anugerah malam ini telah dinilai dalam pelbagai aspek, khususnya dalam aspek kecemerlangan mutu kerja. Selain itu, aspek kepantasan, kejituhan, pengaplikasian ilmu pengetahuan serta kemahiran yang sangat tinggi juga diambilkira. Ini ditambah dengan aspek budi pekerti yang mulia, dedikasi, dan iltizam yang ditunjukkan terhadap tugas yang disandang. Apabila kesemua ciri ini dipenuhi, barulah selayaknya staf yang berkenaan menerima anugerah-

anugerah yang diberikan malam ini. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada mereka yang diiktiraf cemerlang kali ini.

## **INISIATIF KERAJAAN KEPADA PENJAWAT AWAM**

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Benar kata pepatah, ‘Buat baik dibalas baik, berbuat jahat dibalas jahat’. Ini diperjelaskan lagi dalam firman Allah swt,



11. *"Maka barangsiapa yang beramal (dengan amal yang baik) walaupun sebesar zarrah (atom) akan dibalas kebaikan baginya dan barangsiapa yang beramal (dengan amal yang jahat) walaupun sebesar zarrah (atom) akan dibalas dengan kejahatan (dosa)." [Al-Zalzalah: ayat 7-8].*

12. Kita telahpun menikmati pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan sebagai penghargaan atas daya usaha kita memajukan sektor awam.
  
  
13. Baru-baru ini, dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke-13 yang bertemakan 'Transformasi Perkhidmatan Awam, Merealisasikan Wawasan 2020', YAB Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan akan memberi penjawat awam faedah pemindahan gaji sebanyak satu kenaikan gaji tahunan yang diawalkan pada 1 Julai 2013.
  
14. Ini bermakna setiap penjawat awam akan mendapat kenaikan antara RM80 hingga RM320. Perbelanjaan bagi kenaikan ini bukan sedikit, kerana sebanyak RM 1.5 billion diperlukan bagi merealisasikan hasrat ini, yang merupakan sebahagian sistem saraan baru yang akan dikenali sebagai Sistem Saraan Transformatif (STI).
  
15. Setahun yang lepas, selepas YAB Perdana Menteri mengumumkan pembatalan skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam dan mengembalikan Sistem Saraan Malaysia yang akan ditambah baik, beliau turut mengumumkan penyelarasan gaji sebanyak 13% untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 1 hingga 54; 9% untuk Gred Utama dan Gred Khas C,B dan

A; 8% untuk Kumpulan Turus III dan Turus II; dan 7% untuk Kumpulan Turus I dan Ketua Setiausaha Negara.

16. Ini sebenarnya menunjukkan bahawa kerajaan sangat prihatin ke atas kebajikan penjawat awam. Budi baik ini tidak harus dibalas dengan suara-suara sumbang yang tidak berpuas hati. Sebaliknya, kita perlu membalaaskan keperihatinan kerajaan dengan bekerja lebih rajin serta berusaha meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.
17. Mungkin ada yang tidak mengetahui bahawa jumlah penjawat awam bukannya sedikit iaitu 1.4 juta orang. Oleh itu, bersama-sama lah kita berikrar untuk menabur bakti bagi memajukan sektor awam seterusnya membangunkan Malaysia yang amat kita cintai ini.

### **IKRAR UniMAP KEPADA KERAJAAN**

18. Saya menyeru semua warga UniMAP untuk terus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja sebagai tanda menghargai keprihatinan kerajaan yang telah memberikan kita pelbagai insentif. Peningkatan ini juga adalah untuk memajukan UniMAP agar lebih cemerlang di masa akan datang.

19. Dalam Ucaptama saya yang lalu, saya sering meminta supaya University of Cambridge diambil sebagai contoh ikutan.
20. Naib Canselornya, Prof. Borysiewicz sering menyebut, "*Competition...goes to the very heart of our mission.*" Cambridge menitikberatkan persaingan walaupun mereka sudah tersohor. Ini kerana mereka percaya bahawa persaingan membuatkan mereka lebih bersemangat dan berdedikasi dalam melaksanakan apa jua tugas yang diamanahkan.
21. Saya yakin warga UniMAP juga cukup bersemangat dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Namun, saya ingin menyeru agar saudara-saudari menjadi lebih bersemangat lagi. Setiap detik yang berlalu harus dimanfaatkan dengan perjuangan kental tanpa mengenal erti penat atau putus asa. Janganlah jadi seperti bumi yang semakin hari semakin tua!!!
22. Walau usia kita terus meningkat, namun yang tua itu hanyalah tubuh kita, dan bukannya hati dan minda kita. Sesungguhnya kita boleh mencorakkan hati dan minda kita untuk menjadi lebih efisien, dan tidak membiarkan ia ikut 'tua' sebagaimana tubuh badan kita yang dimamah masa.
23. Saya menyeru agar warga UniMAP menanamkan rasa cemburu yang positif melihat rakan-rakan yang terpilih menerima anugerah. Oleh itu, langkah seterusnya adalah

bekerja dengan bersungguh-sungguh dan buktikan bahawa akan tiba masanya untuk saudara-saudari pula berada di atas pentas yang penuh kegemilangan ini.

24. Kepada yang terpilih menerima anugerah pula, janganjadikan tahun ini sebagai tahun terakhir untuk menjakkan kaki di pentas ini sebagai pekerja yang cemerlang. Sebaliknya, tanamkanlah di hati bahawa pentas ini milik saudara-saudari, dan saudara-saudari mahu terus menaiki pentas ini saban tahun.Insyallah.

**Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) - MS ISO/IEC  
17025:2005**

Hadirin dan hadirat sekalian,

25. Malam ini juga menyaksikan satu detik bersejarah apabila UniMAP dianugerahkan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) iaitu satu sistem pengurusan kualiti makmal MS ISO/IEC 17025 :2005 untuk bidang pengujian. Kini, kita sudah memperolehi akreditasi bagi pengurusan kualiti makmal MS ISO/IEC 17025:2005 melalui Jabatan Standard Malaysia. Untuk makluman, ujian peralatan dan kalibrasi di makmal-makmal UniMAP telah bermula semenjak Jun 2010, di bawah penyelarasan UKKP dengan kerjasama Sirim Training Services Sdn. Bhd. sebagai juru runding.

26. Selepas melalui pelbagai proses pembangunan dan penambahbaikan keperluan prosedur, pada tanggal 5 Februari 2013 yang lalu, kita telah berjaya mendapat akreditasi yang disebutkan tadi bagi makmal di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar.
27. Kita mensasarkan akreditasi bagi makmal-makmal lain bagi meningkatkan standard kualiti yang mematuhi piawaian sistem peringkat antarabangsa. Insya Allah, kita akan melakukan penambahbaikan berterusan di masa-masa akan datang.

## **PENUTUP**

Hadirin dan hadirat sekalian,

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan, marilah kita renungkan perkara-perkara yang perlu ada dalam diri kita untuk terus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja kita.

Pertama – kita perlu berjiwa besar dan berpandangan jauh. Kita harus sentiasa mengikuti perkembangan dan rancangkan bentuk kejayaan yang ingin dicapai di masa akan datang.

Kedua- kita perlu sentiasa positif dan optimis dengan kejayaan dan kebolehan diri sendiri.Tetapkan momentum tindakan, kemudian teruskan langkah dengan semangat yang menyala.

Ketiga – kita harus berkongsi matlamat dengan majikan.Rajin-rajinlah bertemu dengan majikan dan kongsikan sasaran dalam kerjaya. Minta pandangan dan nasihat majikan tentang cara merealisasikan sasaran yang dirancang.

Keempat – dapatkan seorang mentor. Carilah mentor untuk dijadikan role model. Mentor ini haruslah seorang yang pakar dalam bidang yang ingin didalami supaya ilmu yang mentor ini ada dapat dikongsikan bersama.

Kelima – Jadikan diri sentiasa produktif walaupun tidak diselia.Sekiranya majikan tidak dapat menyelia atas sebab-sebab tertentu seperti bercuti atau bekerja di luar kawasan, ambillah peluang bagi membuktikan kemampuan diri walau tanpa seliaan daripada sesiapa. Ini sekaligus membuktikan bahawa saudara-saudari adalah orang yang produktif

Keenam – lakukan lebih baik daripada jangkaan dan harapan.Buktikan bahawa hasil kerja saudara-saudari adalah melebihi daripada sasaran.

Ketujuh – jadilah pemain yang baik dalam pasukan. Tunjukkan usaha dan kesungguhan dalam meningkatkan nama organisasi. Sentiasalah memberi dorongan kepada rakan-rakan sekerja agar mereka dapat sama-sama mencipta kejayaan

Kelapan – janganlah banyak mengkritik, sebaliknya, selalulah bersikap positif.Kita juga perlu sentiasa bersikap positif dalam menerima kritik. Sekiranya kritikan itu benar, maka ambillah ia sebagai satu iktibar dan berubahlah. Tetapi seandainya kritik itu nyata tidak benar, maka pertahankan kebenaran dan jangan bersikap defensive kerana itu tidak mendatangkan manfaat.

Kesembilan – selalulah berkongsi kejayaan dengan rakan.Lahirkanlah penghargaan buat rakan-rakan yang banyak menolong kita mencapai kejayaan.Tidak mungkin kita mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang tanpa bantuan sesiapa.Oleh itu, ucapkan ‘**TERIMA KASIH**’ kepada mereka.

29. Akhir kata saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada para penerima tahun ini.Bagi mereka yang tidak terpilih, berusahalah dengan lebih gigih untuk memastikan kejayaan menjadi milik anda pada tahun hadapan.

### **UNTUK MU...**

Malam ini, malam istimewa,  
Malam nan indah, hanya UNTUK MU,  
Ku hadiahkan khas, menjadi milikmu,  
Sebagai penghargaan, untuk pengorbanan,  
Setiap bakti, yang kau hulurkan,  
Tiada mengira, waktu dan jemu,  
Menaburi jasa, sepanjang masa.

Moga tersemat, di ruang hatimu,  
Moga dikenang, sepanjang zaman,  
Jadikan ini, pembakar semangat,  
Teruskan berjuang, berundur jangan,  
Tingkatkan kualiti, mara ke hadapan,  
Mendokong cita-cita, UniMAP yang dicintai.  
Menjadi university, sebutan ramai,  
Menyerlah bersinar, dipersada antarabangsa.

(aidaothman 18 Mac 2013)

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Bagi pihak warga UniMAP, patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP kali ini.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.